

Dua beradik mangsa serakah abang

Pemuda 24 tahun jadikan adik sendiri sebagai pemuas nafsu sejak tiga tahun lalu

SITI FATIMAH YAZID

MERSING - Penderitaan dua beradik yang menjadi mangsa rogol abang kandung di Felda Tenggaroh 5, dekat sini terbongkar apabila suspek yang berumur 24 tahun ditahan pihak polis semalam.

Kedua-dua mangsa yang menjadi pemuas nafsu abang kandungnya sejak tiga tahun lalu disedari seorang lagi kakaknya apabila

la terlihat salah seorang mangsa yang berumur 13 tahun ditarik suspek ke dalam bilik lalu dirogol.

Berikutan kejadian tersebut, mangsa yang pada mulanya enggan membuat laporan polis kerana bimbang akibat diugut suspek akhirnya bersetuju membuat laporan di Balai Polis Sungai Ambat, setelah dipujuk kakaknya.

Suspek yang menyedari tembelangnya terbongkar

cuba melarikan diri pada hari yang sama dengan kejadian tersebut.

Namun, tindakan pantas polis, telah berjaya menahan suspek ketika itu sedang menumpang sebuah lori petang semalam.

Ketua Polis Daerah Mersing, Deputy Superintendan Mohd Nor Rashid, ketika dihubungi mengesahkan kejadian dan pihaknya sudah menahan suspek utama.

Siasatan awal polis mendapati, mangsa dirogol abang kandungnya sejak berumur 10 tahun manakala kakaknya yang berumur 16 tahun sejak awal tahun ini.

Katanya, mangsa takut untuk memberitahu kejadian tersebut kerana telah diugut suspek supaya tidak menceritakan kepada sesiapa jika tidak mahu nyawanya terancam.

"Susulan laporan diteri-

ma di Balai Polis Sungai Ambat, pihak kami menjalankan gerakan untuk memburu dan menahan suspek yang bekerja di sebuah ladang di Kota Tinggi.

"Hasilnya, kami berjaya menahan suspek dalam sebuah lori yang ditumpangnya di Felda Tenggaroh 2 dipercayai cuba melarikan diri selepas mengetahui mangsa sudah membuat laporan polis," katanya.

Menurut Mohd. Nor lagi,

hasil ujian air kencing juga mendapati suspek positif menggunakan bahan terlarang dadah jenis ganja.

Tambahnya lagi, kedua-dua mangsa telah dihantar ke Hospital Sultanah Aminah (HSA), Johor Bahru, semalam bagi menjalani pemeriksaan lanjut.

"Suspek kini ditahan reman bermula semalam untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 376 B, kerana kesalahan rogol.